

24 negara akan menyertai pesta silat Disember depan

Berita Minggu

pencah silat
KUALA LUMPUR, Sabtu — Persatuan Alam Persilatan dan Kebudayaan Seni Gerak Suci, Selangor (GERAKSUCI) akan menganjurkan 'Pesta Seni Mempertahankan Diri Antarabangsa' seminggu, akhir tahun ini.

GERAKSUCI baru-baru ini berjaya mengadakan demonstrasi seumpama itu di peringkat ASEAN, di Stadium Negara, dan mendapat sambutan di luar dugaan.

Menurut Yang Dipertuanya, Encik Mukhtar Affandi Muhamad, 24 negara dijangka menyertai demonstrasi yang bermula 5 hingga 11 Disember ini.

Surat-surat pelawaan kepada negara-negara yang bakal menyertainya, katanya, akan dibuat sedikit masa lagi melalui kedutaan negara-negara berkenaan.

Upacara pembukaan demonstrasi itu akan dilakukan di Melaka, mengambil sempena

kepahlawanan Hang Tuah lahir dan bersema di negeri itu. Manakala upacara penutupnya di Stadium Negara pada 11 Disember.

Menurut Encik Mukhtar, peserta dari negara-negara asing itu akan diminta memedemonstrasikan seni-silat negara masing-masing di peringkat zon melalui cabutan undian.

Bersemena pemergian peserta negara-negara asing ke zon yang ditentukan, pihaknya akan mengadakan 'Kejohanan Silat Peringkat Kebangsaan' yang bermula di peringkat zon.

Perlis, Kedah dan Pulau Pinang digolongkan dalam ZON UTARA yang mana Pulau Pinang menjadi pusatnya.

Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan tergolong dalam ZON TENGAH, Kuala Lumpur jadi pusatnya.

Johor, Negeri Sembilan dan Melaka dimasukkan ke ZON SELATAN, Melaka menjadi pusat.

Manakala Kelantan, Trengganu dan Pahang diletakkan dalam ZON TIMUR. Pusatnya di Kuala Trengganu.

Encik Mukhtar berkata jemaah, hakim dari pusat akan dibentuk bagi menghakimkan kejuaraan di peringkat zon dan peristiharan 'kejuaraan' di peringkat kebangsaan akan diumumkan di upacara pembukaan sejurus sebelum demonstrasi seni mempertahankan diri antarabangsa dimulakan di Stadium Negara.

64 ahli silat sertai Malam Pendekar di Melaka 8 Jun

23 MAY 1981

pencah silat
SERAMAI 64 peserta termasuk wanita mewakili lapan pertubuhan seni silat akan mengambil bahagian dalam pertandingan silat di 'Malam Pendekar' 8 Jun depan.

Malam Pendekar tersebut anjuran Majlis Gabungan Seni Silat Melaka (MGSSM) dan Pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Melaka akan diadakan di Stadium Kubu Melaka mulai jam 8.0 malam.

Menurut Yang Dipertua badan itu, Encik A. Nordin Amin, Ketua Menteri Melaka, Encik Mohd Adib Haji, Adam akan merasmikan kejohanan tersebut.

Beliau menyatakan malam pendekar tersebut diadakan sebagai satu dari acara sambutan perayaan Hari Lahir Yang Dipertua Negeri Melaka — Tun Haji

Syed Zahiruddin Syed Hassan.

Encik A. Nordin berkata pertandingan hanya dijalankan sesama ahli sesebuah pertubuhan silat.

Pertubuhan-pertubuhan silat itu ialah Persatuan Seni Silat Bakawali, PSS Bunga Kempaka, PSS Seligi Putra, PSS Kunci Melayu, Angkatan SS Melaka, PSS Semandi, PS Mempertahankan Diri Tentera.

Terang beliau lagi johan keseluruhan pertandingan itu akan menerima sebuah piala pusingan sumbangan Ketua Menteri Melaka.

Pemenang hadiah puktan akan menerima piala sumbangan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Batu Berendam, Tamrim Abdul Ghaffar.

Johan Bunga akan menerima piala sumbangan dari Senator Ismail Hashim.

Bersilat

KELAS bersilat terbuka kepada orangramai akan dimulakan di Balai Rakyat Kampong Kembangan tidak lama lagi. Mereka yang berminat boleh menghubungi balai itu (telefon 4420408).

JUN 1981